

PENGENALAN

eVDR@JIM adalah untuk permohonan pengambilan pekerja asing bagi sektor-sektor yang dibenar iaitu Perkilangan, Pembinaan, Pertanian, Perladangan dan Perkhidmatan. Permohonan pekerja asing oleh majikan/syarikat adalah tertakluk kepada kelulusan kuota dari Pusat Kelulusan Setempat (OSC), Kementerian Dalam Negeri. Pekerja hendaklah Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 45 tahun pada masa permohonan dan disahkan sihat oleh pusat pemeriksaan kesihatan di negara sumber; Senarai pusat kesihatan. Bakal Pekerja asing mesti diambil dari negara sumber yang dibenarkan serta tidak termasuk dalam senarai individu asing yang dilarang masuk mengikut Seksyen 8(3) Akta Imigresen 1959/1963.

